

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

JABATAN PERSURATAN MELAYU
UNIVERSITI KEERANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1983

FONOLOGI DAN MORFOLOGI DIALEK NEGERI SEMBILAN:
KAJIAN KES DI MUKIM TANJUNG KELING, REMBAU

OLEH

ABU HASSAN BIN MOHD YUSOF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

1982/1983

istimewa buat:

ayah yang dah pergi;
ibu yang tak jemu-jemu
mendoakan kejayaanku;

isteri yang begitu memahami
serta anak-anak
yang belum mengerti
dan

adik-adik yang masih lekakan
keagungan syurga dunia.

apo na? dikato

pai pohan nãe? bosika

toñah aŷi toñah panah

apo dayo mōtoñ gotah

apo nã? dikato

kalau boleh nã? jadi ce?gu s^okolah

ke? kolo pilah

sawah leba kobau baña?

ae pigi sojo? sokali

supi sopi ta?do oŷaŷ

apo nã? dikato

kalau boleh nã? biseñ-biseñ

mācam pohan tampen

tana? nāsi? boŷeh kampon

māsa? lomā? cili api

māsen padi ta?do lai

apo nã? dikato

ŷamāi oŷaŷ dah koŷo kilan

ke? pohan soŷomban

batu ŷampe? tolo? komāñ

tampe? oŷaŷ māndi-māndo

aŷi minggu ponoh sosa?

apo mā? dikato

ae laot botambah māsen

ke?pohan po? de?sen

PENGHARGAAN

Bismilla - hirrahma - Nirrahim

Terlebih dahulu yang mengucapkan syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah melimpahkan taufik dan hidayat-Nya sehingga dapat saya sempurnakan latihan ilmiah ini pada masa yang telah ditetapkan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa terima kasih serta terhutang budi saya kepada Prof. Madya Dr. Farid M. Onn, Pengarah Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, UKM, kerana sudi menjadi penyelia serta pembimbing saya didalam menyempurnakan latihan ilmiah ini. Segala tunjuk ajar serta pandangan telah saya gunakan sepenuhnya di dalam kajian ini. Mudah-mudahan, segala jasabaik akan saya hargai dan menjadi kenangan di sepanjang hayat.

Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penduduk-penduduk di Mukim Tanjung Keling, Rembau, yang telah memberikan kerjasama yang begitu

menggalakkan di dalam usaha saya untuk memperolehi daftar kata dialek ini untuk kajian ini. Kepada Ketua Kampung, Kampung Tanjung Keling, Encik Mohd. Lazim, lebih-lebih lagi ibu penulis, Hasnah bt. Malek, serta nenda penulis sendiri, Mendek bt. Hj. Hassan, yang telah banyak membantu penulis terutama di dalam usaha mengumpulkan daftar kata dialek kajian ini. Juga, kepada pegawai-pegawai di Pejabat Daerah Rembau yang telah turut memberikan kerjasama, saya ucapkan terima kasih. Semoga budi baik kalian akan diberkati Allah jua.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan khusus untuk isteri saya, Hayati bt. Ismail serta anak-anak, Hasfariza dan Hasyima, yang begitu bersimpati ketika menghasilkan kajian ilmiah ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di dalam menghasilkan latihan ilmiah ini.

Abu Hassan b Mohd Yusof,
K9B-112, Komsis 'C',
Universiti Kebangsaan Malaysia,
Bangi, Selangor.

24 Januari, 1983.
10 Rabiul-Awal, 1403.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
KANDUNGAN	iii

BAB 1

PENGENALAN

1.1	Pendahuluan ..	...	1
1.2	Penggolongan Dialek	...	2
1.3	Dialek Kajian	...	5
1.4	Kawasan Kajian	...	8
1.5	Pengumpulan Data	...	9
1.6	Masalah Kajian <i>"Kandungan"</i>	...	11
1.7	Tujuan Kajian	...	13
1.8	Organisasi dan Abreviasi	...	16
NOTA		...	19

BAB 2FONOLOGI

2.0	Definisi	..	..	..	..	21
2.1	Inventori Konsonan	..	..	..	..	23
2.1.1	Plosif	..	..	..	..	25
2.1.2	Afrikat	..	..	..	..	29
2.1.3	Nasal	..	..	..	..	30
2.1.4	Lateral	..	..	..	..	33
2.1.5	Frikatif	..	..	..	..	34
2.1.6	Frikatif Alveolar	..	..	..	..	37
2.1.7	Hentian Glotis	..	..	..	..	38
2.1.8	Frikatif Glotal	..	..	..	..	39
2.1.9	Separuh Vokal	..	..	..	..	42
2.2	Konsonan Pinjaman			..	..	44
2.3	Inventori Vokal	..	..	..	..	47
NOTA	..	..	..	..	..	59

BAB 3MORFOLOGI

3.0	Pendahuluan	..	..	..	..	60
3.1	Kata Akar	..	..	..	..	62

3.1.1	Kata Akar yang Monosilabik	..	64
3.1.2	Kata Akar yang Bisilabik	..	64
3.1.3	Kata Akar yang Trisilabik	..	67
3.1.4	Kata Akar yang 4 Silabik	..	68
3.2	Kata Partikel		70
3.2.1	Kata Bilangan		71
3.2.2	Pengkuantitian		72
3.2.3	Interogatif		72
3.2.4	Kata Penghubung		73
3.2.5	Preposisi		74
3.2.6	Negatif		75
3.2.7	Emfatik		76
3.2.8	Afirmatif		77
3.2.9	Interjeksi		77
3.3	Imbuhan		78
3.3.1	Awalan		79
3.3.1.1	Awalan [pɔŋ]		79
3.3.1.2	Awalan [mɔŋ]		81
3.3.1.3	Awalan [bɔ]		82
3.3.1.4	Awalan [tɔ]		83
3.3.1.5	Awalan [di]		84
3.3.1.6	Awalan [sɔ]		86

3.3.2	Akhiran	..	...	87
3.3.3	Imbuhan Terbahagi		...	88
3.4	Kesimpulan	..	...	90
NOTA	..	..	..	91

BAB 4

BEBERAPA PROSES FONOLOGI DAN MORFOLOGI

4.1	Proses-Proses Fonologi	...	92
4.1.1	Pengguguran - ɔ	...	92
4.1.2	Penyisipan - ɔ	...	96
4.1.3	Metatesis	..	97
4.1.4	Nasalisasi	..	100
4.1.5	Palatalisasi dan Labialisasi		105
4.1.6	Penyisipan Glotis	...	109
4.2	Proses-Proses Morfologi	...	110
4.2.1	Afiksasi(Pengimbuhan)	...	111
4.2.2	Reduplikasi(Pengimbuhan [?])	...	119
4.2.3	Proses Pemendekan Kata	...	123
4.3	Morfofonemik	..	125
4.4	Kesimpulan	..	126
NOTA	...	..	128

BAB 5DNS dan BMS: SEDIKIT PERBANDINGAN

5.1	Pendahuluan	..	...	130
5.2	Konsep Dialek dan Bahasa Standard			131
5.3	Perbandingan Antara DNS dan BMS			133
5.3.1	Fonologi	..	...	133
5.3.1.1	Penyebaran Konsonan		...	134
5.3.1.2	Penyebaran Vokal		...	137
5.3.1.3	Urutan Vokal	..	...	140
5.3.2	Morfologi	..	...	143
5.3.3	Kata-Kata Daerah		...	147
NOTA	...	..	...	150

BAB 6

PENUTUP	..	..	...	151
NOTA	...	..	...	156

LAMPIRAN

BIBLIOGRAFI

BAB 3

MORFOLOGI

3.0. Pendahuluan

Morfologi ialah bidang yang meneliti bagaimana kata-kata terbentuk daripada unsur-unsur yang lebih kecil (Schane, 1973: 40).¹ Unsur-unsur yang membentuk kata-kata atau perkataan adalah terdiri daripada morfem. Morfem pula ialah unsur atau unit terkecil yang mempunyai makna atau fungsi tatabahasa di dalam ujaran satu-satu bahasa (Hockett, 1958: 123). Jadi, morfologi adalah bahagian tatabahasa yang mengkaji hubungan serta susunan antara morfem-morfem di dalam pembentukan kata (Nida, 1963: 1).

Morfem dan kata adalah berbeza dan seharusnya dapat dibezakan. 'Kata' ialah unit bahasa yang terkecil (Bloomfield, 1935, 172) dan bermakna serta boleh pula diucapkan sendiri; sedangkan morfem adalah unit-unit terkecil dan bermakna; ia boleh jadi suatu kata atau bahagian daripada sesuatu kata seperti yang

ditegaskan oleh Nida(1963: 1):

Morphemes are the minimal meaningful units which may constitute words or parts of words, e.g. re-, de-, un-, -ish, -ly, -ceive, -mand, tie, boy and like in the combinations receive, demand, untie, boyish, likely.

Malah, di dalam kebanyakan bahasa, kata-kata dasar adalah terdiri daripada morfem(Bloomfield, 1935: 244).

Dalam DNS, seperti juga BMS dan dialek-dialek lain, morfemnya boleh diklasifikasikan dengan dua cara (Abdullah Hassan, 1974: 1), iaitu morfem bebas dan morfem terikat. Morfem bebas ialah morfem yang tanpa bantuan dari morfem lain sudah dapat berdiri dengan sendirinya sebagai kata (Asmah Hj. Omar, 1973: 1), dan juga merupakan salah satu unsur daripada ayat yang boleh menjadi ayat minimal. Misalnya, saya, ada, rumah, besar dan sebagainya. Morfem terikat pula ialah morfem yang memerlukan bantuan daripada morfem lain sama ada bebas atau terikat untuk boleh berdiri sebagai kata (Abd. Hamid Mahmood, 1982). Dengan kata lain, sesuatu morfem terikat tidak boleh diucapkan sendiri melainkan setelah diimbuhkan kepada morfem lain, terutama dengan kata akar,

untuk membentuk kata. Morfem-morfem terikat BMS terdiri daripada awalan, akhiran dan imbuhan terbahagi. Misalnya: meN, peN, kan, an, ter, ber, di, di....kan, me....kan, me....i, pe....kan dan sebagainya.

Dalam bahagian ini penulis akan cuba membicarakan secara ringkas berkenaan dengan kata akar, kata partikel, imbuhan atau afiksa. Bab ini juga akan menyentuh sukukata-sukukata yang membentuk kata akar dalam dialek ini. Pembicaraan mengenai kata akar akan meliputi kata-kata yang terdiri daripada satu sukukata (monosilabik), dua sukukata(bisilabik), tiga sukukata (trisilabik) dan seterusnya. Jenis-jenis imbuhan seperti awalan, akhiran dan imbuhan terbahagi yang terdapat dalam dialek ini akan juga disentuh. Mengenai kata partikel, hanya yang penulis rasakan penting dan perlu sahaja yang akan disentuh. Proses-proses morfologi seperti pergandaan, pengimbuhan dan pemendekan kata akan dibicarakan dalam Bab 4 nanti.

3.1. Kata Akar

Kata akar adalah satu morfem bebas

yang terdiri daripada satu morfem tersendiri atau yang boleh diimbuhkan dengan morfem terikat. Ia juga dinamai akar atau stem, dan akar juga adalah membentuk nukleus bagi satu-satu kata. Nukleus ini pula terdiri daripada satu akar yang dinamai nukleus selapis atau yang terdiri lebih daripada satu akar yang dipanggil nukleus kompleks (Abd. Hamid Mahmood, 1982).

Kata akar terbentuk daripada suukata, dan suukata pula terdiri daripada gabungan antara fonem-fonem (vokal dan konsonan). Setelah diteliti data kata-kata DNS didapati kata-katanya adalah agak pendek-pendek. Gejala ini berlaku kerana berlakunya proses pengguguran fonem pada satu-satu kata dasar. Misalnya /peŋgi/ menjadi [pɔi] atau [pi], /lembaga/ menjadi [lɔmāgɔ], [bɔlon] menjadi [lon], [dɔkɛʔ] diucapkan sebagai [kɛʔ] sahaja. Begitu jugalah dengan kata-kata dasar yang telah menerima imbuhan turut melalui atau mengalami proses yang sama. Misalnya [mɔŋŋulai] 'menggulai' menjadi [ŋulai], [mɔŋŋali] menjadi [ŋali] sahaja dalam dialek ini. Malah, banyak lagi kata-kata lain yang seumpamanya yang mengalami proses yang sama, dan ini akan dapat dilihat serta diikuti di dalam bahagian selanjutnya. Walau bagaimanapun, kata-kata dalam dialek

ini masih boleh diklasifikasikan mengikut bilangan suku-kata yang ada pada satu-satu kata itu, dan ia dapat pula disenaraikan seperti berikut.

3.1.1. Kata Akar yang Monosilabik

	<u>Fonetik</u>	<u>Persamaan BMS</u>
V	ɛ	'nya'
KV	{ jo	'jua', 'juga'
	{ tu	'itu'
	{ sɛ	'saya', 'aku'
	{ ni	'ini'
KVK	{ dan	'saya', 'dan'
	{ mɔh	'mari' (ajakan)
	{ u dɛ?	'dekat', 'di'
	{ pon	'pun'

3.1.2. Kata Akar yang Bisilabik

V & KV	{ ado	'ada'
	{ ati	'hati'
	{ ɛsɛ	'saya', 'aku'
	{ ulo	'hulur'

V \$ KVK	{	eteh	'atas'
		ulit	'lambat'
		ɔnap	'mendap'
		apa?	'bapa', 'ayah'
V \$ KVV	{	ubai	'leka'
		ekau	'engkau'
		anau	'anau'
		usai	'selesai'
VK \$ KV	{	ampu	'sangga', 'ampu'
		antu	'hantu'
		inti	'inti'
		unto	'unta'
VK \$ KVV	{	ampai	'ampai'
		intai	'intai'
		amboi	'amboi'
		uykai	'meleraikan susunan/ikatan'
VK \$ KVK	{	angkɛ?	'angkat'
		imbɛh	'imbas'
		ɔntɔ?	'diam'
		ɛntɛŋ	'ɛnteng', 'mudah'
		unto?	'untuk'

KV \$ V	{	pɔi lai tae dai	'pergi' 'lagi' 'tahir', 'Tahir' 'dahi'
KV \$ VV	{	kuai buai tuai cuai	'kais' 'buai' 'tuai' 'cuai'
KV \$ VK	{	pioh gait baɛh laɛh	'pulas' 'jolak' 'baling' 'keping'
KV \$ KV	{	sɔbɔ sɔdɔ gɔma bɔtɔ	'serba' 'semua' 'suka' 'botol'
KV \$ KVV	{	gɛwai lɔmau gulai silau kacau	'kais' 'lemau' 'gulai' 'silau' 'kacau'

KV \$ KVK	{	katéh	'kertas'
		locut	'baling'
		goban	'reban'
		sabe?	'sebab'
KVK \$ KV	{	mungo	'duduk diam'
		burko	'bodoh'
		bondo	'benda'
		sambe	'sambil
KVK \$ KVK	{	nonggo?	'duduk'
		lontug	'langgar'
		ŋykeh	'keras', 'mati'
		gampéh	'rampas'

3.1.3. Kata Akar yang Trisilabik

KV \$ KV \$ V	tonae	'talialir'
KV \$ KV \$ KV	lomago	'lembaga'
	goléma	'berlemak-lemak'
	lomayi	'almari'
	tomago	'tembaga'
	bolango	'belanga'

KV \$ KV \$ KVK	somilan	'sembilan'
	somoleh	'sembelih'
	golase?	'menggosok'
	bodobo?	'bunyi' ketika jatuh dari tempat tinggi

KV \$ KVK \$ KV	somondo	'semenda'
	moYambu	'makan angin'
	solambo	'selamba'
	polanta	'pelantar'

KVK \$ KV \$ V	montuo	'mertua'
----------------	--------	----------

KV \$ KVK \$ KVK	molampoh	'banyak'
	tolanja	'terlanjang'

KVK \$ KV \$ KVK	mompulon	'jatuh'
	sompuYeh	'sempuras'
	compoYai	'cemperai'

3.1.4. Kata Akar yang 4 Silabik

KV \$ KV \$ KV \$ KVK	kapatoban	'kapalterbang'
-----------------------	-----------	----------------

KV \$ KVK \$ KV \$ KV	somontaY	'sementara'
-----------------------	----------	-------------

KV \$ KVK \$ KV \$ KVK	somontolah	'sementelah'
------------------------	------------	--------------

Berdasarkan korpus di atas, didapati kata-kata akar dalam dialek ini boleh dan dapat diklasifikasikan hingga kepada empat sukukata sahaja.

Seperti yang telah dinyatakan terdahulu bahawa dialek ini agak unik sedikit. Ini adalah kerana para penuturnya berkecenderungan memendek-mendekkan perkataan apabila mengucapkan satu-satu patah perkataan itu. Ini jelas sekali apabila diteliti beberapa contoh yang dikemukakan pada bahagian kata-kata yang terdiri daripada satu sukukata, iaitu seperti yang terdapat pada ceraian 3.1.1. Oleh kerana penuturnya 'suka' memendekkan kata, maka terdapat kata yang hanya terbentuk dari satu vokal sahaja, iaitu [ɛ] yang bermaksud 'nya' dalam dialek ini. Pemakaian 'ɛ' dalam dialek ini samalah seperti penggunaan 'nya' dalam BMS. Mengenai kata-kata yang monosilabik ini terdapat juga kata-kata yang boleh berdiri dengan hanya dua fonem sahaja, konsonan dan vokal, seperti [jɔ] 'juga', [sɛ] 'saya' dan beberapa patah perkataan lain.

Kata-kata yang bisilabik dalam dialek ini adalah mempunyai bentuk yang sama seperti dalam BMS. Cuma yang agak unik sedikit ialah kata-kata

yang trisilabik. Ada di antara kata-kata itu yang tidak terdapat dalam BMS. Misalnya, [ˈmɔ̃lampoh], [ˈbɔ̃dɔ̃boʔ], [ˈmɔ̃mpulon], [ˈgɔ̃lɛmɛ] adalah merupakan kata daerah. Di samping itu, terdapat juga proses pemendekan kata dengan cara menggugurkan fonem /b/ selepas bilabial /m/ dalam kata-kata yang mengandung tiga sukukata. Misalnya, 'sembilang' menjadi [ˈsɔ̃milɔ̃], 'sembelih' menjadi [ˈsɔ̃mɔ̃leh], 'sembahyang' menjadi [ˈsɔ̃mɔ̃jaŋ] dan lain-lain lagi. Pengguguran ini adalah benar bagi semua kata yang trisilabik. Bagaimanapun, perbincangan seterusnya akan dibuat apabila penulis membincangkan tentang proses-proses fonologi dan morfologi, dan juga perbandingan ringkas antara DNS dan BMS nanti.

Mengenai kata-kata yang mengandung empat sukukata pula, didapati tidaklah begitu banyak. Kebanyakannya terdapat pada kata-kata majmuk seperti [ˈkapatɔ̃baŋ] 'kapalterbang', [ˈtɛbɛlɔ̃ja] 'tabir-layar' di samping kata-kata yang disenaraikan di atas.

3.2. Kata Partikel

Partikel adalah kata yang tidak

dapat berdiri sendiri sebagai ayat minimal tanpa bantuan perkataan lain (Asmah Hj. Omar, 1980b: 166). Dengan kata lain, partikel adalah kata struktural, yakni kata yang hanya dapat berfungsi dan mempunyai makna tertentu dalam struktur tertentu. Misalnya, dalam BMS terdapat partikel seperti daripada, dari, ke, di, kepada, siapa, lah, bagaimana dan sebagainya.

Berdasarkan definisi di atas, kata-kata partikel dalam DNS ini boleh jadi sama ada dalam bentuk morfem bebas mahupun morfem terikat. Ia pula boleh dipecahkan ke dalam berbagai jenis;² kata bilangan, interogatif, kata penghubung, proposisi, pengkuantitian, afirmatif, negatif, emfatik dan interjeksi.

3.2.1. Kata Bilangan

Kata bilangan dalam dialek ini adalah sama seperti kata bilangan dalam BMS. Apa yang berbeza hanyalah dari segi penyebutannya sahaja. Perhatikan contoh-contoh berikut:

<u>DNS</u>	<u>BMS</u>	
[du ^w ɔ]	[du ^w ə]	'dua'

[tigo]	[tiga]	'tiga'
[ʔ(ō)mpaʔ]	[empat]	'empat'
[sōmilan]	[sambilan]	'sembilan'
[gatu ^y h]	[yatos]	'ratus'
[gibu]	[yibu]	'ribu'
[laʔso]	[laʔso]	'laksa'

3.2.2. Pengkuantitian

Selain daripada kata-kata seperti [baŋaʔ] 'banyak', [gamāi] 'ramai', [sikit] 'sikit', [sumō] 'semua', [sodo] 'semua', terdapat beberapa patah perkataan lain yang kerap kedengaran digunakan bagi maksud banyak. Antaranya termasuklah [mōlampoh], [mōŋúnŋ], [mōlambaʔ] yang kesemuanya bermaksud banyak.

3.2.3. Interogatif

Partikel 'kah' tidak pernah wujud dan tidak pernah digunakan di dalam pertuturan dialek ini. Dan, kata-kata tanya yang biasa digunakan ialah [sapo] 'siapa', [apo] 'apa', [manō] 'mana', [camnō] 'macam

mana'. Kata-kata tanya seperti 'bagaimana', 'mengapa' atau 'kenapa' tidak timbul dan tidak digunakan dalam pertuturan dialek ini. Untuk kata 'bagaimana' digunakan [camn^o], dan untuk kata tanya 'kenapa' atau 'mengapa' mereka gunakan [apo sobapε] 'apa sebabnya'. Perhatikan contoh pemakaiannya:

[tay man ^o (tu)]	'datang dari mana'
[pi man ^o]	'pergi ke mana'
[sapo datay di]	'siapa datang tadi'
[camn ^o buε?ε ni]	'macam mana buwatnya ni'
[apo sobapε di ^y ta? poi]	'kenapa dia tidak datang'

Cara penggunaan kata-kata interogatif dalam DNS ini sama dengan BMS. Cuma yang berbeza dari segi pengucapannya saja. Kata-katanya lebih pendek berbanding dengan BMS.

3.2.4. Kata Penghubung

Tidak banyak terdapat kata penghubung dalam dialek ini. Antaranya yang agak kerap dipakai ialah [tompi] 'tetapi', [sabε?] 'sebab', [dan] 'dan', [dɔŋan] 'dengan'. Patut dinyatakan bahawa kata

'sebab' dalam DNS ada dua variasi: [sabe?] dan [sobap]. Kata [sabe?] digunakan pada awal kata, seperti dalam ayat:

[sabe?lah di^y ta? dataŋ]
'sebab itulah dia tidak datang'

Lagi pun, ia digunakan sebagai penegas kata atau ayat. Kata [sobap] pula, penggunaannya agak formal; gunanya untuk menyambungkan antara ayat dan ayat. Ini samalah seperti keadaannya dalam BMS.

3.2.5. Preposisi

Preposisi adalah kata-kata yang digunakan bagi menunjukkan lokasi atau arah. Misalnya, [kɛ?] 'di', [daŋi] 'dari', [kɔ] 'ke', [padɔ] 'pada' seperti dalam ayat-ayat berikut:

[kɛ? maŋ kaw lota?an suŋɛ? tu]
'Di mana kau letakkan surat itu'

[suŋɛ? daŋi sapɔ]
'Surat dari siapa'

[kə manõ kau tadi]

'Ke mana kau tadi'

Sebenarnya, kata [kɛ?] dalam dialek ini boleh membawa erti yang berbagai: 'kepada', 'pada', 'di'. Misalnya:

[kɛ? manõ kau lɔtaʔan]

'Di mana kau letakkan'

[kɛ? sapɔ nã? boʝiʔan buku ni]

'Pada siapa hendak diberikan buku ini'

[kɛ? sapɔ nã? diʔalamɛʔan suʝɛ? ni]

'Kepada siapa hendak dialamatkan surat ini'

3.2.6. Negatif

Kata negatif yang kerap digunakan di dalam pertuturan dialek ini ialah seperti [bolon] 'belum', [ta?] 'tidak', [bukan] 'bukan', [ontah] 'entah', [jaŋan] 'jangan'. Cara pemakaiannya sama seperti dalam BMS. Kata negatif 'tanpa' dan 'usah', tidak pernah wujud dan sememangnya tidak ada di dalam pertuturan dan 'perkamusan' dialek ini. Cuma yang agak unik sedikit ialah tentang pemendekan beberapa kata

negatif tersebut. Kata [bɔlon] umpamanya kerap diucapkan sebagai [lon], [bukan] sebagai [kan] sahaja. Perhatikan pemakaiannya di dalam ayat:

[di^y lon datan lai]

'Dia belum datang lagi'

[kan di^y jan ambe?]³

'Bukankah dia yang ambil'

3.2.7. Emfatik

Partikel jenis ini ialah kata-kata yang digunakan bagi menegaskan sesuatu kata, frasa atau klausa (Abdullah Hassan, 1974: 32). Para penutur dialek ini kerap menggunakan kata-kata emfatik seperti 'lah' dan 'pun'. Bagaimanapun, sekali-sekala kedengaran juga mereka gunakan 'wa imma' di dalam pertuturan mereka. 'Wa imma' dipercayai kata pinjaman dari bahasa Arab, dan kerana itu jarang-jarang digunakan melainkan mereka yang berpengetahuan Arab. Pemakaian 'lah' dan 'pun' adalah seperti berikut:

[kaulah poi] 'kaulah pergi'

[itu pon di^y] 'itu pun dia'

3.2.8. Afirmatif

Dalam dialek ini, seperti juga dalam BMS terdapat satu atau dua kata afirmatif sahaja, iaitu seperti [jɔ] 'ya' atau [ijɔ] 'ia' dan ada juga digunakan [ãh̃]. Kata-kata ini digunakan bagi mengiakan sesuatu yang dipersetujui. Bagaimanapun, ia juga boleh hadir sebagai sebahagian konstruksi tata-bahasa yang lebih besar. Misalnya, [jɔ, itu buku dan] 'ya, itu buku saya', atau [jɔ, dan setuju bona dengan kau] 'ya, saya setuju benar dengan kau'. Penggunaan [ãh̃] sama seperti penggunaan [jɔ] atau [ijɔ] dalam dialek ini.

3.2.9. Interjeksi

Mengikut tatabahasa tradisional, interjeksi diistilahkan sebagai kata seru atau seruan (Za'ba, 1965b: 81), iaitu perkataan-perkataan yang semata-mata gunanya bagi mengeluarkan perasaan hati waktu memanggil, terperanjat, hairan, mengejek, sakit, marah, hiba dan sebagainya, seperti 'oh', 'wah', 'ceh', 'amboi'. Kata-kata ini, di samping boleh digunakan sendirian, ia juga boleh digunakan sebagai sebahagian daripada ayat.

Misalnya, [ʔamboi, canteʔa] 'amboi, cantiknya', [ʔwah, bukan main lomaʔa] 'wah, bukan main menjadi-jadi dia' dan sebagainya.

3.3. Imbuhan (Afiksa)

Imbuhan adalah merupakan morfem terikat dan ia mesti digabungkan dengan kata akar atau stem untuk membolehkannya wujud sebagai sebuah kata. Misalnya, meN + makan menjadi memakan, beR + jalan menjadi berjalan.

Menurut Za'ba(1965b: 203), penambahan dalam BMS boleh dipecahkan kepada tiga jenis: di pangkal, di hujung dan bersama di pangkal dan hujung. Imbuhan di awal: meN, di, ber, ter, per, pe, ke, dan se; imbuhan di hujung ialah an, i, kan, kah, tah, dan lah; manakala imbuhan bersama di pangkal dan di hujung ialah ber...an, me...kan, per...an, pe...an, dan ke...an. Penambahan di...kan tidak dimasukkan oleh Za'ba sebagai bentuk penambahan di pangkal dan di hujung.

Sebagaimana dalam BMS, morfem

terikat dalam dialek ini juga boleh dibahagikan kepada tiga kelompok penting: awalan, akhiran dan imbuhan terbahagi.⁴ Walaupun awalan dan akhiran ini boleh pula dijeniskan kepada morfem terikat karyaan dan morfem terikat bendaan, namun di dalam penulisan ini, huraian bagi kedua-duanya akan dilakukan serentak apabila huraian mengenai awalan dan akhiran dibuat.

3.3.1. Awalan

Dalam dialek ini terdapat lima jenis awalan yang produktif penggunaannya, iaitu [pɔŋ] 'peng', [bɔ] 'ber', [tɔ] 'ter', [mɔŋ] 'meng' [di] 'di' dan [sɔ] 'se'.

3.3.1.1. Awalan [pɔŋ]

Imbuhan [pɔŋ] dalam dialek ini bersepadanan dengan imbuhan [pəŋ] dalam BMS. Kalau dalam BMS terdapat alomorfnya sebagai [pən], [pəm], [pə] dan [pəŋ], maka dalam dialek ini juga terdapat alomorf-alomorf sedemikian, juga produktif sifatnya. Cuma penggunaannya sahaja yang berbeza. Tegasnya, proses

pengimbuhanannya sahaja yang berbeza sedikit dengan BMS. Kalau dalam BMS digunakan $\left[\text{pən} \right]$ apabila diimbuhkan dengan kata akar yang berawalkan 'c' atau 'j' seperti dalam 'pencuri', 'penjamin' dan sebagainya, tetapi DNS pula akan menggunakan $\left[\text{pɔŋ} \right]$ dengan menggugurkan 'c' dan 'j'. Perhatikan contoh-contoh berikut:

/pɔŋ - cuŋi?/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{u}}\text{ŋi?} \right]$	'pencuri'
/pɔŋ - caka/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{a}}\text{aka} \right]$	'pencakar'
/pɔŋ - cabut/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{a}}\text{abut} \right]$	'pencabut'
/pɔŋ - jamin/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{a}}\text{amĩn} \right]$	'penjamin'
/pɔŋ - jua/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{u}}\text{ua} \right]$	'penjual'
/pɔŋ - jɔmput/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{u}}\text{jɔmput} \right]$	'penjemput'

Imbuhan $\left[\text{pɔŋ} \right]$ apabila bertemu dengan kata-kata akar yang berawalkan $\left[\text{b} \right]$ atau $\left[\text{g} \right]$ masing-masing akan menjadi $\left[\text{pɔm} \right]$ dan $\left[\text{pɔŋ} \right]$. Walau bagaimanapun, 'b' dan 'g' yang menjadi fonem awal pada kata akar akan gugur. Misalnya:

/pɔŋ - baco/	$\left[\text{pɔm}^{\text{a}}\text{aco} \right]$	'pembaca'
/pɔŋ - gali/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{a}}\text{ali} \right]$	'penggali'
/pɔŋ - bohɔŋ/	$\left[\text{pɔm}^{\text{ɔ}}\text{hɔŋ} \right]$	'pembohong'
/pɔŋ - gosɔ?/	$\left[\text{pɔŋ}^{\text{ɔ}}\text{sɔ?} \right]$	'penggosok'
/pɔŋ - bɔsa/	$\left[\text{pɔm}^{\text{ɔ}}\text{sa} \right]$	'pembesar'

Berdasarkan kedua-dua bentuk contoh di atas, membuktikan bahawa [pɔŋ] berfungsi bagi menunjukkan 'alat' atau pun 'pelaku'. Di samping itu, [pɔŋ] juga digunakan bagi menunjukkan sifat atau tabiat seseorang, umpamanya, [pɔŋĩdo] 'penidur', [pɔŋĩnãm] 'peminum', [pɔŋĩmalah] 'pemalas' dan sebagainya.

3.3.1.2. Awalan [mɔŋ]

Dalam dialek ini, penggunaan awalan [mɔŋ] serta alomorf-alomorfnya adalah digunakan bagi menunjukkan 'melakukan sesuatu kerja', dan ini saya rasa sama seperti yang terdapat dalam BMS. Penggunaan [mɔŋ] dalam dialek ini sama seperti penggunaan [pɔŋ] yang telah dihuraikan di atas tadi. Cuma berbeza dari segi fungsinya sahaja. Misalnya:

/mɔŋ - jamin/	[mɔŋĩamin]	'menjamin'
/mɔŋ - jua/	[mɔŋĩua]	'menjual'
/mɔŋ - caŋi?/	[mɔŋĩaŋi?]	'mencari'
/mɔŋ - buɛ?/	[mɔŋĩuɛ?]	'membuat'
/mɔŋ - basoh/	[mɔŋĩasoh]	'membasuh'
/mɔŋ - gali/	[mɔŋĩali]	'menggali'
/mɔŋ - gulai/	[mɔŋĩulai]	'menggulai'

Daripada data tersebut didapati bahawa apabila [mɔŋ] bertemu dengan 'c' atau 'j' ia akan berubah menjadi [mɔŋ] dengan menggugurkan 'c' dan 'j'. Apabila bertemu dengan 'b' atau 'g', ia akan menjadi [mɔm] dan [mɔŋ] dan 'b' dan 'g' juga akan gugur. Gejala ini berlaku kerana mungkin dialek ini tidak membenarkan kehadiran bersama dua fonem (konsonan) dari satu daerah artikulasi yang sama.

3.3.1.3. Awalan [bɔ]

Awalan [bɔ] 'ber' mempunyai fungsi serta cara pemakaian yang sama dengan BMS. Misalnya:⁵

/bɔ - masaʔ/	[bɔmasaʔ]	'bermasak'
/bɔ - basoh/	[bɔbasoh]	'berbasuh'
/bɔ - gali/	[bɔgali]	'bergali'
/bɔ -tanam/	[bɔtanam]	'bertanam'

Pendeknya, awalan [bɔ] boleh bertemu serta boleh digunakan dengan sebarang fonem konsonan tanpa mengalami apa-apa atau sebarang perubahan pada fonem awal kata akar. Lain pula halnya apabila [bɔ] diimbuhkan dengan kata-kata yang berawalkan fonem vokal. Jika demikian keadaannya, penyisipan fonem 'g' akan berlaku. Misalnya:

/bo - ulɛ?/	[ˈbogulɛ?]	'berulat'
/bo - ana?/	[ˈbogana?]	'beranak'
/bo - inai/	[ˈboginai]	'berinai'
/bo - ɛlɔ?/	[ˈbogɛlɔ?]	'berelok'
/bo - ɔmpɛ?/	[ˈbogɔmpɛ?]	'berempat'

Daripada beberapa contoh di atas, jelas menunjukkan bahawa terdapat penyisipan konsonan 'g' berlaku sebelum fonem vokal di kedudukan awal kata pada kata akar atau kata dasar.

Rumusnya:

$\emptyset \longrightarrow g/\#bo _ V$

[V ialah fonem awal kata akar]

3.3.1.4. Awalan [tɔ]

Pemakaian awalan [tɔ] dalam dialek ini sama seperti pemakaian [bo] yang telah dibincangkan dalam ceraihan 3.3.1.3 di atas. Jelasnya, penyisipan [g] juga berlaku jika diimbuhkan dengan kata-kata akar yang fonem awalnya ialah vokal. Misalnya:

/tɔ - aʎa?/	[ˈtɔgaʎa?]	'terajak'
-------------	------------	-----------

/tɔ - ɛlaʔ/	[tɔgɛlaʔ] ⁶	'terelak'
/tɔ - inai/	[tɔginai]	'terinai'
/tɔ - ɔnap/	[tɔgonap]	'termendap'
/tɔ - umpɛʔ/	[tɔgumpɛʔ]	'terumpat'
/tɔ - ɔmpɛh/	[tɔgɔmpɛh]	'terhempas'

Berdasarkan data tersebut akan terhasil pula rumus:

$$\emptyset \longrightarrow g/\#tɔ_v$$

[V ialah fonem awal kata akar]

Penggunaan pada situasi lain tidak berbeza dengan apa yang telah dibincangkan untuk awalan [bɔ] di atas. Cuma fungsinya sahaja yang berbeza. Rumus yang telah diperturunkan untuk kedua-dua awalan [bɔ] dan [tɔ] di atas adalah benar bagi kedua-duanya; dan benar bagi semua kata akar yang berawal dengan segmen atau fonem vokal.

3.3.1.5. Awalan [di]

Awalan 'di' dalam dialek ini dipakai sebagai penanda pasif apabila diimbuhkan dengan kata akar dari jenis kata kerja. Walau bagaimanapun, apa-

bila 'di' diimbuhkan dengan kata akar yang berawalkan segmen vokal, maka urutan vokal yang terhasil dipisahkan dengan geluncuran dan bukannya dipisahkan oleh glotal 'ʔ' seperti dalam bahasa Melayu Johor yang dijelaskan oleh Farid M. Onn(1980: 66), kecuali dengan kata-kata akar yang berawal dengan vokal 'i'.

/di - ambeʔ/	[diyambeʔ]	'diambil'
/di - ubeʔ/	[diyubeʔ]	'diubat'
/di - eloʔ/	[diyeloʔ]	'dielok'
/di - ɔceh/	[diyɔceh]	'dioceh'

Sebaliknya, jika 'di' diimbuhkan dengan kata akar yang berawalkan vokal 'i' maka satu 'i' akan diwajibkan gugur bagi mengelakkan kehadiran dua bunyi yang homogen berdampingan, seperti:

/di - ilaj/	[dilaj]	'dihilang'
/di - intai/	[dintai]	'diintai'
/di - inai/	[dinai]	'diinai'

Jika awalan 'di' diimbuhkan dengan kata akar yang awalnya terdiri dari segmen konsonan, bentuknya tidak berubah, sama seperti keadaannya seperti dalam BMS. Misalnya, [dipakai] 'dipakai', [dibueʔ] 'dibuat', [diminam]

'diminum' dan lain-lain lagi. Begitu juga apabila 'di' digunakan dalam ayat, akan lahir ayat-ayat seperti:

[padi dimakan (dɛ?) ayam]

'padi dimakan (oleh) ayam'

[nasi? tu dimakanɛ]

'nasi itu dimakannya'

[dɛ?] 'oleh' adalah berstatus opsional. Namun begitu, penggunaannya adalah produktif.

3.3.1.6. Awalan [sɔ]

Penggunaan awalan [sɔ] dalam dialek ini adalah berfungsi sebagai 'satu', 'keseluruhan', 'sama' dan 'darjah perbandingan'.⁷ Misalnya:

[sɛkɔ]	'seekor'
[sɔʔaŋ]	'seorang'
[sɔləi]	'sehelai'
[sayah]	'seayah'
[sibu]	'seibu'
[sɔbayo]	'sebaya'
[səbih-əbih]	'sehabis-habis'

3.3.2. Akhiran

Dalam dialek ini hanya terdapat satu jenis akhiran sahaja, iaitu 'an' yang berfungsi sebagai 'menerbitkan katanama daripada katakerja' seperti dalam [mākanān], [ajakan] 'ajakan', [basohan] 'basuhan' dan sebagainya. Imbuhan ini juga berfungsi sebagai 'kan'. Misalnya, dalam kata [mākanān] 'makankan', [ambe?an] 'ambilkan' dan sebagainya. Mungkin para pelajar dialek ini akan terkeliru antara 'makanan' katakerja dengan 'makanan' katanama. Perbezaannya terletak pada cara penyebutannya sahaja. Bagi katanama, ia diucapkan berterusan [mā-kan-nān] sedangkan katakerja pula lebih ditekankan pada kata akar seperti [mākan-ān]. Oleh kerana akhiran dalam dialek ini cuma satu, maka tidak terdapat akhiran [i]. Kalau dalam BMS, daripada katakerja boleh diterbitkan katanama yang bermaksud 'alat'. Misalnya:

/tapis-an/	[tapesan]
/kukur-an/	[kukoran]
/ayak-an/	[aya?kan]

Dalam dialek ini, gejala seperti ini tidak wujud. Hanya

digunakan kata akar sahaja bagi maksud sama ada katakerja mahupun sebagai alat. Tegasnya, [tapih] boleh diucapkan bagi maksud 'alat' dan juga 'katakerja'. Begitu juga halnya dengan [kuko] 'kukur', [aya?] 'ayak', [kuku^yh] 'kukus', dan kata-kata lain yang seumpama dengannya. Sebaliknya, apabila kata-kata tersebut diimbuhkan dengan 'an', ia akan membawa maksud 'menyuruh'. Misalnya, [kuko^wan] 'kukurkan', [aja?an] 'ayakkan', [tapi^yan] 'tapiskan' seperti dalam ayat:

[tolɔŋ kuko^wan ni^yɔ tu]
 'tolong kukurkan nyiur itu'
 [suɣoh m̃an ajaʔan topon]
 'suruh Man ayakkan tepung'

3.3.3. Imbuhan Terbahagi

Sesungguhnya, dalam dialek ini hanya terdapat dua bentuk imbuhan terbahagi sahaja, iaitu 'mɔ ... an' dan 'di ... an' iaitu bentuk pasif bagi 'mɔ ... an'. 'mɔ ... an' boleh diucapkan sama ada dalam bentuk 'aktif biasa' atau pun dalam bentuk 'datif'. Lihat contoh-contoh berikut:

a) Bentuk Aktif Biasa:

[di^yo jaŋ m̃m̃asohan kaenē]

'dia yang membasuhkan kainnya'

b) Bentuk Datif:

[di^yo jaŋ m̃m̃oli^yan buda? tu (buku)]

'dia yang membelikan budak itu (buku)'

Sebenarnya, imbuhan [m̃] pada 'm̃ ... an' itu adalah opsional. Pada kebiasaannya, ia digugurkan bila digunakan dalam pertuturan. Misalnya:

[di^yo jaŋ m̃asohan kaen tu]

[di^yo jaŋ m̃oli^yan baju tu]

[di^yo jaŋ ŋali^yan lubang tu]

Imbuhan 'di ... an' (di....kan) digunakan apabila satu-satu kalimat diucapkan di dalam bentuk pasifnya. Misalnya:

[ta? diboli^yanē buda? tu....]

'tidak dibelikannya budak itu...'

Seharusnya dinyatakan bahawa 'an' dalam 'di ... an' ada-

lah opsional. Dengan demikian, jarang-jarang diucapkan. Ini kerana maksudnya sudah diketahui, seperti dalam:

[ta? dibolia baju dan]
'tidak dibelikannya baju saya'

3.4. Kesimpulan

Bahagian ini telah menyentuh aspek morfologi dialek ini secara umum. Di antara lain yang telah disentuh termasuklah kata-kata akar, kata partikel dan jenis-jenis imbuhan yang terdapat dalam dialek ini. Pada pendapat penulis, morfologi dialek ini tidak berapa jauh bezanya dengan bahasa induknya, iaitu bahasa Melayu. Di samping berbeza dari segi pengucapan, ia juga berbeza sedikit dari segi penggunaan morfem-morfem berkenaan terutama yang menyangkut alomorf-alomorf [mɔŋ] dan [pɔŋ]. Walau bagaimanapun, pembicaraan mengenai proses-proses morfologi akan dibuat di dalam bab seterusnya.

NOTA

1. Sanford A. Schane (1973: 40) berpendapat bahawa:

"Morphology considers how words are built from smaller constituents".
2. Penjenisan mengenai 'kata partikel' yang dibincangkan adalah didasarkan kepada penjenisan yang dibuat oleh Abdullah Hassan (1974: 30).
3. Ayat [kan di^y jaŋ ~ambe?] boleh membawa dua pengertian; satu bermaksud 'nafi' dan satu lagi sebagai penegasan. Ini bergantung kepada intonasi penutur ketika melahirkan kalimat tersebut.
4. Istilah 'imbuhan terbahagi' yang dipakai adalah didasarkan kepada istilah yang dipakai oleh Asmah Hj. Omar (1979).
5. Raja Mokhtarudin (1979/1980: 89) berpendapat bahawa kata-kata yang berimbuhan 'ber' seperti yang dipakai dalam senarai contoh dinamakan sebagai 'pasif ber'.
6. Kata [tɔgela?] boleh membawa dua pengertian: 'tertarik' - kesanggupan menarik sesuatu; dan satu lagi 'mengelakkan diri daripada sesuatu'.
7. Fungsi [sɔ] 'se' yang diberikan adalah disesuaikan dengan fungsi-fungsi yang diberikan oleh Za'ba (1965b: 217). Sila rujuk yang sama untuk mengetahui lebih lanjut tentang fungsi imbuhan awalan yang lain.


Lampiran i

Jadual Bilangan Penduduk Daerah Rembau Mengikut Mukim
Mengikut Daftar Banci Penduduk Kerajaan Malaysia 1980

Luas Daerah Rembau = 101,670 ekar

Bil.	Nama Mukim	Jum. Penduduk		Jum. Besar Penduduk
		Lelaki	Perempuan	
1.	Batu Hampar	850	1015	1865
2.	Bongek	692	805	1497
3.	Chembung	2428	2614	5042
4.	Chengkau	904	927	1831
5.	Gadung	2536	2636	5172
6.	Kundur	782	886	1668
7.	Legung Hilir	736	887	1623
8.	Legung Hulu	374	439	813
9.	Miku	83	89	172
10.	Nerasau	861	1037	1898
11.	Pedas	2575	2444	5019
12.	Pilin	617	667	1284
13.	Selemak	1454	1721	3175
14.	Semerbuk	392	410	802
15.	Sepri	664	824	1488
16.	Tanjung Keling	919	1088	2007
17.	Titian Bintangur	2083	2269	4352
Jumlah Besar Penduduk Rembau		18950	20758	39708

PETA NEGERI SEMBILAN



NEGRI SEMBILAN

REFERENCE

0 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 MILES

STATE BOUNDARY ————


RAILWAYS ————

ROADS ————



Peta Negeri Sembilan yang menunjukkan pecahan daerah-daerahnya. Kawasan kajian ialah daerah REMBAU - Kawasan yang bertanda tebal

Lampiran iv



Peta daerah Rembau yang menunjukkan sempadan antara mukim-mukim. Kawasan kajian ialah Mukim Tanjung Keling iaitu kawasan yang berlorek tebal.

B I B L I O G R A F I

BUKU-BUKU

Abd. Samad Idris (Tan Sri), 1968. Negeri Sembilan dan Sejarahnya. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.

_____, 1970. Hubungan Minangkabau Dengan Negeri Sembilan Dari Segi Sejarah dan Kebudayaan. Seremban: Pustaka Asas Negeri.

Abdullah Hassan, 1974. The Morphology of Malay. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____ (ed.), 1978. Rencana Linguistik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1980. Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pajar Bakti.

Abercrombie, David, 1967. Elements of General Phonetics. Edinburgh: Edinburgh University Press.

Arbak Othman, 1980. Ilmu Linguistik. Kuala Lumpur: Pustaka Pengarang.

Asmah Hj. Omar, 1973. Morfologi-Sintaksis Bahasa Melayu (Malaya) dan Bahasa Indonesia: Satu Pola Perbandingan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

_____, 1977. Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

- _____, 1979. Pengimbuhan Dalam Bahasa Makassar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1980b. Nahu Melayu Mutakhir. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ayatroheidi, 1979. Dialektology: Sebuah Pengantar. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Bloch and Trager, 1942. Outline of Linguistics Analysis. Baltimore: Linguistic Society of America.
- Bloomfield, Leonard, 1935. Language. London: George Allen & Unwin.
- Brandstetter, R., 1957. Hal Bunyi Dalam Bahasa-Bahasa Indonesia. Jakarta: Pustaka Rakyat.
- Brown, C.C., 1956. Studies In Country Malay. London: Luzac & Co. Ltd.
- Chomsky, N. and Halle, M., 1968. The Sound Pattern of English. New York: Harper & Row.
- Farid M. Onn, 1980. Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hendon, Rufus S., 1959. Phonology and Morphology of Ulu Muar Malay. Tesis PhD. University Yale, USA.
- Hockett, C.F., 1958. A Course in Modern Linguistics. New York: Mc Millan & Co.
- Jones, D., 1956. An Outline of English Phonetics. Cambridge: W. Heffer & Sons Ltd.

- Ladefoged, Peter, 1975. A Course In Phonetics.
USA: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Lutfi Abas, 1975. Linguistik Deskriptif dan
Nahu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur:
Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mangantar Simanjuntak, 1982. Aspek Bahasa dan
Pengajaran. Kuala Lumpur: Sarjana
Enterprise.
- Mees, C.A., 1967. Ilmu Perbandingan Bahasa-
Austronesia. Kuala Lumpur: Dewan
Bahasa & Pustaka.
- Nida, A.E., 1963. Morphology: The Descriptive
Analysis of Words (2nd. ed.). An Arbor:
University of Michigan Press.
- Nik Safiah Karim, 1981. Beberapa Persoalan
Linguistik Bahasa Melayu. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- _____, 1978. Bahasa Malaysia Syntax.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Raja Mukhtaruddin b Raja Mohd Dain, 1979/1980.
Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa.
Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Ilmu.
- Samsuri, 1972. Bahasa dan Ilmu Bahasa dan
Fonologi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa
& Pustaka.
- Schane, Sanford A., 1973. Generative Phonology.
Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-
Hall, Inc.
- Singh, Sadanand and Singh, Kala S., 1976.
Phonetics: Principles and Practices.
Baltimore: University Park Press.
- Trubetzkoy, N.S., 1971. Principles of Phonology.
Berkeley: University of California
Press.

inal Abidin Ahmad (Za'ba), 1965a. Ilmu Mengarang Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

, 1965b. Pelita Bahasa Melayu 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

RTIKEL-ARTIKEL

Bakar Hamid, 1964. "Tinjauan Sepintas Lalu Tentang Fonologi," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 3, Mac.

, 1964. "Morfologi: Satu Keterangan Ringkas," Dewan Bahasa. Jld. VIII, Bil. 4, April.

Abd Hamid Mahmood, 1982. "Morfologi Dialek Kelantan," Dewan Bahasa. Jld. 26, Bil. 8/9, Ogos/September.

Asmah Hj. Omar, 1980a. "The Kedah Dialek: Its Distribution, Development and Role In The Kedah Speech Community," Darulaman: Essays on Linguistics, Cultural and Socio-Economic Aspects of the Malaysia State of Kedah. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

Collins, James T., 1981. "Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan," Dewan Bahasa. Jld. 25, Bil. 12, Disember.

arid M. Onn, 1980a. "Perubahan Bahasa dari Kajian Dialek; Satu Pendekatan Tatabahasa Generatif," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 8, Ogos.

I Hassan Mohd Ali, 1963. "Sedikit Mengenai Penambahan," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 4, April.

Ismail Hussein, 1973. "The Malay Dialect in The Peninsula," Nusantara. Bil. 3, Januari.

Kamaruzaman Yahya, 1963. "Pelat Bahasa dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat," Dewan Bahasa. Jld. VII, Bil. 5, Mei, dan Bil. 6, Jun, serta Bil. 7, Julai.

Mangantar Simanjuntak dan Ramli Salleh, 1980. "Perubahan-Perubahan Bunyi Bahasa: Satu Kajian Kes Bahasa Melayu Melaka, (Bahagian 1 dan 2)," Dewan Bahasa. Jld. 24, Bil. 10, Oktober, dan Bil. 11, November.

Sharman Abu, 1973. "Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. XVII, Bil. 12, Disember.

_____, 1974. "Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan Dalam Dialek Negeri Sembilan," Dewan Bahasa. Jld. 18, Bil. 6, Jun.

Wolfram, Walter A., 1966. "Linguistic Correlation of Social Differences in the Negro Community," Monograph Series of Languages and Linguistic, Report on the Twentieth Annual Round Table Meeting On Linguistic and Language Studies. Georgetown University Press, 22 November.

LATIHAN ILMIAH

Alias Hamid, 1979/1980. Dialek Bahasa Melayu Melaka: Satu Tinjauan Perbandingan. IBKKM.

Mastura @ Mispura Anuar, 1978/1979. Aspek Fonologi dan Morfologi Dialek Melayu Sarawak: Satu Kajian Preliminari. IBKKM.

Naseh Hassan, 1980/1981. Fonologi Sub-Dialek Terengganu: Kajian Kes Di Mukim Jenagor, Ulu Terengganu. Jabatan Persuratan Melayu.

Zuraidah Zulkeflee, 1981/1982. Pengaruh Dialek Negeri Sembilan Kepada Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard Di Peringkat Sekolah-Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes Di Tampin. Jabatan Persuratan Melayu.

Tambahan

Pie, Mario and Graynov, Frank, 1960. A Dictionary of Linguistics. London: Peter Qwen.

Rembau: Daerah Kecil Berjiwa Besar. Seremban: Ibu Pejabat Kerajaan Negeri Sembilan, Negeri Sembilan, 1982.